

## **ADAB DIJAGA ILMU DIBERKATI**

Oleh: Nur Iliyani Binti Zainal, 1171116,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia  
*Disiarkan pada 28 March 2020*

Adab dan ilmu merupakan dua perkara yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Keduanya adalah sangat penting dan perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian kita.

Dua elemen ini tidak dapat dipisahkan dan seperti yang diungkapkan oleh Imam Malik r.a., “Pelajarilah adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu.”

Berdasarkan kata-kata Imam Malik itu, adab perlu diutamakan sebelum menuntut ilmu kerana adab baik atau buruk itulah yang mencerminkan betapa tinggi atau rendahnya ilmu seseorang.

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam bukunya yang berjudul ‘The Concept of Education in Islam’, adab didefinisikan sebagai suatu tindakan untuk mendisiplinkan jiwa dan fikiran.

Selain itu, adab menurut beliau juga bermaksud perilaku yang benar dan sesuai yang berlawanan dengan perilaku salah dan buruk. Adab yang baik perlulah dipraktikkan dalam kehidupan seharian terutamanya ketika menuntut ilmu.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah menyatakan, “Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke syurga” (Hadith Riwayat Muslim).

Jelaslah bahawa ilmu itu sangat penting sehingga Allah mempermudah jalan ke syurga bagi setiap penuntut ilmu.

Dalam pada itu, adab yang mulia boleh dicontohi melalui ulama-ulama terkenal seperti Imam Syafie. Ketika menuntut ilmu dengan Imam Malik, beliau tidak berani menyelak helaian kitabnya melainkan dengan cara yang sangat perlahan dan berhemah kerana bimbang bunyi itu mengganggu gurunya.

Kemuliaan budi pekerti Imam Syafie itu wajar dicontohi oleh setiap penuntut ilmu. Keberkatan ilmu yang diperolehinya telah menjadikan beliau antara ilmuwan yang sangat hebat sehingga dapat menghasilkan kitab usul al-fiqh, Al-Risalah yang menjadi rujukan ramai.

Ada satu adab berguru yang menarik untuk dihayati bersama. Apabila guru berkongsi mengenai sesuatu perkara yang sudah kita ketahui, kita sebagai pelajar seharusnya berpura-pura tidak tahu dan mendengar sehingga guru habis berkata-kata.

Sebaliknya, jika kita memberitahu hal itu sudah diketahui, kemungkinan guru tersebut akan berasa kecil hati untuk berkongsi perkara lain. Jadi, sebagai penuntut ilmu kita haruslah mendengar semua yang ingin dikongsi oleh guru walaupun perkara tersebut telah diulang berkali-kali.

Mungkin bagi kita perkara ini kecil sahaja, tetapi inilah adab yang perlu dijaga ketika menuntut ilmu. Justeru itu, janganlah sesekali melukakan hati seorang insan bergelar guru.


Demikianlah, apabila kita menceritakan tentang keberkatan ia adalah satu perkara besar yang perlu dijaga. Tanpa keberkatan, hidup hanyalah sesuatu yang sia-sia bagaikan perbuatan menghitung bulu kambing.

Walaupun kita tidak nampak keberkatan itu melalui mata kasar, ia akan memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan seseorang.

Tiada gunanya seseorang itu belajar sehingga ke menara gading tetapi tidak menjaga adab dengan guru mahupun orang di sekelilingnya. Lebih baik ilmunya sedikit tetapi dia memiliki adab setinggi gunung.

Sedarlah wahai penuntut ilmu sekalian, kejayaan yang diperoleh itu bukanlah hanya semata-mata atas usaha dan ilmu yang dimiliki tetapi ia berkait rapat dengan keberkatan dalam menuntut ilmu.

Peliharalah adab masing-masing kerana kelak ia akan menjadi ikutan orang ramai dan menjadi asbab ilmu itu diberkati serta membawa kepada kejayaan di dunia dan akhirat.



**"PELAJARILAH ADAB  
SEBELUM MEMPELAJARI  
SESUATU ILMU"  
(IMAM MALIK RA)**



Made with PosterMyWall.com

“Sesiapa yang menempuh  
satu jalan untuk mencari  
ilmu pengetahuan, maka  
Allah akan memudahkan  
baginya satu jalan untuk  
menuju ke syurga”.

(Hadith Riwayat Muslim)

